

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. HASAN BIN BAHROM**
[TAMPIN]

SOALAN NO. 163

Datuk Dr. Hasan Bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan program sahabat bijak dan kafeTEEN dalam mengurangkan kes-kes jenayah seksual melibatkan remaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen keselamatan kanak-kanak di Sekolah-Sahabat B.I.J.A.K yang dilaksanakan Kementerian melalui JKM telah dilancarkan pada Oktober 2014. Kempen ini adalah untuk menyebarkan maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat. Sehingga 2018 seramai 60,579 orang kanak-kanak dan 250 sekolah telah mendapat manfaat dari kempen yang dijalankan. Berdasarkan statistik punca rujukan yang diperolehi untuk kes-kes jenayah seksual dan penderaan, didapati aduan daripada orang awam dan sekolah menunjukkan peningkatan bilangan. Ia menunjukkan bahawa Program Sahabat Bijak ini telah membuka mata masyarakat tentang kepentingan dalam memberi maklumat berkaitan penderaan dan seterusnya dapat mengurangkan kes-kes jenayah seksual.

Kementerian juga melalui LPPKN telah melaksanakan pelbagai program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) yang menyasarkan remaja melalui program dan aktiviti di Pusat Remaja kafe@TEEN.

Program kafe@TEEN sejak penubuhannya 2006 sehingga Disember 2018, telah memberi manfaat pendidikan dan pembangunan kemahiran kepada 563,108 remaja. Daripada jumlah tersebut, 32,800 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif dan 11,526 remaja mendapatkan perkhidmatan kaunseling sosial di Pusat Remaja kafe@TEEN.

Keberkesanan program ini diukur melalui pelaksanaan ujian pra dan pasca pelaksanaan program yang menggunakan modul-modul ini bagi menguji peningkatan daripada aspek pengetahuan dan sikap yang lebih positif terhadap kesihatan reproduktif. Dengan pengetahuan dan sikap yang lebih positif, dijangkakan remaja dapat menangani pengaruh negatif daripada

SOALAN NO. 163

rakan sebaya, media dan persekitaran, seterusnya kes-kes jenayah seksual dalam kalangan remaja dapat dikurangkan.

Kajian oleh Unit Perunding Universiti Malaya (UPUM) bagi penilaian program PEKERTI menunjukkan sebanyak 64 peratus (%) remaja yang menyertai program mendapat manfaat dan sekali gus terdapat peningkatan dalam pengetahuan mereka mengenai pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial.

Melalui Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Reproduksi dan Seksual Remaja di Semenanjung Malaysia, 2011 melibatkan remaja berumur 13 hingga 24 tahun mendapati pengetahuan mengenai Kesihatan Seksual Reproduksi (KSR) membantu menangani isu kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja.

Pada tahun 2019, satu Kajian Penilaian Outcome bagi perkhidmatan Pusat Remaja kafe@TEEN akan dilaksanakan kepada remaja yang mendapat manfaat daripada perkhidmatan Pusat Remaja kafe@TEEN. Kajian Penilaian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan perubahan sikap positif remaja. Ini adalah langkah berterusan untuk mengoptimalkan keberkesanan pelaksanaan program kafe@TEEN.